

## **INOVASI SOSIAL DALAM ERA BARU KEUSAHAWANAN BELIA**

**Oleh:**

**Effendy Bin Zulkifly**

**Pengasas Asean Youthpreneur Community (AYPC)**

**Pengerusi Youth Icon Community (YIC)**

Inovasi sosial adalah melibatkan pembentukan strategi baru, konsep, idea dan organisasi yang memenuhi keperluan sosial yang melibatkan idea pembangunan peluang pekerjaan dan pendidikan kepada pembangunan masyarakat dan kesihatan juga boleh diperluaskan dalam memperkukuhkan keperluan dan kebajikan masyarakat awam di seluruh dunia.

Inovasi sosial juga biasanya ditakrifkan sebagai idea-idea baru (produk, perkhidmatan dan model) yang pada masa yang sama memenuhi keperluan sosial dan mewujudkan hubungan baru sosial atau kerjasama melibatkan semua pihak tidak kira pemerintah negara, swasta, masyarakat awam dan semua organisasi sosial mahupun ekonomi (Grisolia dan Ferragina, 2015). Inovasi ini dianggap baik untuk setiap lapisan masyarakat dan mampu menggubal dan memaksimumkan penglibatan masyarakat yang lebih besar dalam penyediaan perkhidmatan sosial dan kebajikan (Geof Mulgan, Social Innovation, Oxford Said Business School 2010).

Seorang inovator sosial atau usahawan sosial adalah pada dasarnya seseorang yang membangunkan jawapan dan idea inovatif kepada permasalahan sosial (contohnya, model perniagaan bagi membantu menangani kemiskinan). Idea di sebalik keusahawanan sosial ialah, idea-idea segar dan baru yang akan membawa keajaiban dan kekuatan produktiviti dalam "sektor sosial" (perkhidmatan awam serta kebajikan). Kini, semakin banyak inovator sosial dan usahawan sosial yang berjaya mencipta nama. Yang paling terkenal adalah seperti Muhammad Yunus, pengasas Grameen Bangladesh, sebuah bank pembiayaan mikro, dan pemenang hadiah Nobel keamanan.

Inovasi sosial juga boleh berlaku dalam sektor kerajaan; sektor organisasi yang berpaksikan keuntungan, sektor bukan untuk keuntungan (juga dikenali sebagai sektor

ketiga), atau dalam ruang di antara mereka. Para peneyelidik seluruh dunia telah memberi tumpuan kepada jenis platform yang diperlukan untuk memudahkan rentas hubungan antara sektor inovasi sosial dalam kerjasama tersebut.

### **Membangun Inovasi Sosial.**

Usaha sosial biasanya timbul dari hati nurani yang mengambil peduli terhadap keadaan dan masyarakat sekitar dengan andaian bahawa hampir pasti usaha itu akan menimbulkan kebergantungan pada pembiayaan dan sokongan yang tidak ada batasnya. Sokongan itu biasanya tidak terhad pada tenaga, tetapi juga pembiayaan untuk segala kegiatan dan cara ianya diuruskan. Selalunya berlaku msyarakat agak jarang untuk mengambil inisiatif untuk melakukan aktiviti-aktiviti social kerana ianya dilihat membebankan dan tiada pulangan yang dilihat menguntungkan dari aspek material.

Dalam gerakan sosial kemasyarakatan dunia, anggapan itu mulai berubah. Ahli-ahli pembangunan sosial kemasyarakatan dunia mula menuntut agar pembangunan ekonomi dan sosial perlu dilakukan secara seimbang, telah berlangsung banyak perdebatan dan diskusi intelek yang cukup banyak bahawa ukuran kesejahteraan sesebuah Negara itu tidak lagi bersifat materailistik tetapi mengambil kira “kesejahteraan” dan “kebahagiaan” rakyat di negara-negara itu.

Human Development Index (HDI) atau Index Pembangunan Manusia (HDI) adalah salah satu bentuk kemenangan bagi pihak ahli-ahli pembangunan sosial kemasyarakatan yang berusaha buat sekian lamanya memastikan ukuran pembangunan sosial bukan hanya dari sudut ekonomi tetapi juga dari bidang sosial sebagai asas pengukuran kesejahteraan suatu bangsa dan negara.

Oleh kerana itu setiap organisasi sosial kemasyarakatan diharapkan bekerja keras membina inovasi atau inisiatif-inisiatif kegiatan sosial kemasyarakatan baru yang mempunyai liputan luas sehingga keluarga tertinggal, setengah tertinggal atau yang hampir tertinggal, yang jumlahnya banyak, tidak ditunggu menjadi tertinggal, tetapi sejak awal disiapkan untuk ikut serta dalam berbagai inovasi yang dibangunkan mengikuti proses pemberdayaan menjadi keluarga yang lebih mandiri.

Contoh antara lain adalah pengendalian penduduk warga emas. Biasanya penjagaan warga tua adalah dengan hanya meletakkan para warga tua di rumah penjagaan orang tua. Dengan menggunakan pendekatan inovasi, para petugas rumah tua yang punyai berpengalaman boleh datang membantu keluarga yang mempunyai warga tua untuk bersama-sama belajar bagaimana menjaga para warga tua dalam lingkungan keluarganya.

Petugas rumah-rumah orang tua ini, mereka diajar cara yang terbaik untuk menangani warga tua agar tetap sihat dan bahagia sekaligus mempunyai kesempatan untuk berbakti kepada golongan yang sama umur, generasi yang lebih muda dan generasi kanak-kanak. Dengan kemahiran itu para warga tua yang tinggal bersama keluarganya tidak perlu ditempatkan di rumah penjagaan. Apabila dikehendaki, para warga tua yang tinggal di rumah masing-masing sekali sekala mungkin boleh berkunjung ke rumah penjagaan untuk satu atau dua hari untuk mendapat pengalaman menjadi warga tua yang baik dengan peraturan disiplin yang ditetapkan di rumah dan menerapkannya dalam kehidupan bersama keluarganya.

### **Budaya niaga: Belia perlu rebut peluang**

Pembentangan Bajet 2014 telah mendorong belia agar perlu menumpukan kepada bidang keusahawanan. Melalui keusahawanan ini peluang pekerjaan akan terbuka kepada masyarakat. Ini selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang boleh menyediakan peluang pekerjaan.

Bidang usahawan adalah satu bidang kerja atau profession yang harus direbut dan dijadikan sebagai satu teras untuk para belia berjaya dalam kehidupan. Oleh itu, pendedahan awal inilah sangat penting sama ada pendekatan dalam bentuk kurikulum, aktiviti sosial dan sebagainya. Hal ini penting supaya ekonomi negara dapat diseimbangkan dan dijana dengan baik. Untuk meningkatkan dan memantapkan budaya berniaga atau keusahawanan ini maka kita perlu berbuat sesuatu dan dimulakan di peringkat akar umbi.

Antaranya ialah melalui kerjasama peranan pihak sekolah, ibu bapa, persekitaran dan sokongan korporat serta masyarakat budaya ini dilihat mampu digarap

dan dicanai dalam kalangan generasi muda. Sebagai contoh, di pihak sekolah, guru-guru boleh menimbulkan rasa minat dalam kalangan pelajar untuk mendalami ilmu keusahawanan dan perniagaan melalui pembelajaran yang lebih kreatif dan interaktif. Manakala di peringkat peranan ibu bapa boleh menggalakkan anak-anak untuk menceburi dan merasai pengalaman berniaga seperti memberi dorongan bagi menyertai aktiviti keusahawanan di dalam atau di luar sekolah. Ibu bapa hendaklah mendedahkan anak-anak untuk menyertai aktiviti perniagaan dan keusahawanan dengan cara yang difikirkan sesuai bagi maksud menggalakkan kecenderungan mereka ke arah itu di samping memberi panduan memilih perniagaan yang dapat menepati kehendak pasaran semasa. Sebagai contoh ramai juga kalangan belia hari ini yang sudah memulakan perniagaan mereka menerusi online. Perniagaan seperti ini adalah mudah, cepat dan menjimatkan masa.

Selain itu, melalui persekitaran kita boleh mencontohi cara didikan dan pendedahan kaum Cina yang telah memberi pendedahan realiti dunia perniagaan kepada anak-anak mereka semenjak kecil lagi. Pendedahan awal seperti ini menggalakkan anak-anak mereka menceburi bidang perniagaan apabila besar kelak. Sebaliknya bagi golongan korporat dan masyarakat, mereka boleh memberi sokongan dan galakan melalui pengerakkan aktiviti keusahawanan dan program-program motivasi seperti sekolah angkat, program keusahawanan dan bengkel serta ceramah kecemerlangan usahawan.

Manakala di peringkat pengajian tinggi, peranan universiti perlu menyediakan asas ilmu dan kemahiran boleh dikembangkan secara kreatif dan inovasi. Hal ini supaya graduan muda boleh memulakan bidang keusahawanan sebaik sahaja tamat pengajian. Bagi graduan yang terlalu bergantung kepada makan gaji'dari majikan perlu dikikis dengan membuka ruang minda mereka dengan realiti dunia perniagaan. Sebagai siswazah mereka perlu berpandangan jauh dan tidak mengharap makan gaji setelah tamatnya pengajian.

## **Belia dan Usahawan**

Pada masa kini, banyak program usahawan yang melibatkan belia giat dijalankan. Oleh itu, kita sebagai belia perlu memahami dengan lebih mendalam mengenai usahawan. Perubahan dan perkembangan ekonomi telah menggalakkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia menjalankan banyak aktiviti usahawan bagi menarik minat belia untuk menyertainya. Hal ini adalah untuk mengembangkan bidang keusahawan dalam masyarakat serta memberi peluang pekerjaan kepada belia dan membantu negara bagi mengurangkan pengangguran dan kemiskinan negara.

Satu program usahawan terbesar di dunia telah diadakan iaitu Minggu Keusahawan Global 2008 (“Global Entrepreneurship Week – GEW 2008”) yang dijalankan untuk merayakan dan menggalakkan pencetusan inovasi, budaya keusahawanan dan pengembangan kreativiti secara global. Program ini menggalakkan penglibatan organisasi terutamanya IPTA dan IPTS untuk menyertai program yang mana membantu para usahawan muda untuk meneroka kaedah-kaedah keusahawanan yang baru dengan melalui media dan teknologi baru yang lebih diterima mereka dan dengan itu mereka akan mampu membina hubungan yang baik untuk terus meningkatkan kemakmuran dunia.

Namun terdapat usahawan belia yang telah menyalahgunakan bantuan yang disalurkan bagi program usahawan ini. Banyak usahawan belia kini sukar untuk mendapatkan pinjaman kewangan di bank-bank berikutan oleh masalah yang dibawa oleh para peminjam terdahulu. Kebanyakan belia gagal menjelaskan hutang mereka sehingga diisytiharkan bankrap oleh mahkamah. Ini menyebabkan pihak bank dan badan-badan yang mengeluarkan pinjaman was-was untuk memberi pinjaman kepada belia. Hakikatnya bukan semua belia gagal menunaikan janji tetapi hanya kerana segelintir belia yang tidak berpegang janji, ia telah memberi pandangan yang buruk kepada semula orang.

Jika pandangan negatif ini dapat diubah, kita dapat lihat bahawa belia sebenarnya adalah aset kepada negara. Belia sendiri seharusnya membuktikan diri

mereka kepada publik bahawa mereka bukan bangsa yang gagal malah mampu berdiri seiring dengan orang-orang yang bijaksana”. Selain itu, belia seharusnya belajar untuk menepati janji yang telah dibuat dengan pihak peminjam agar tidak mendatangkan kesan yang buruk pada masa akan datang. Namun terdapat juga pendapat yang menggalakkan belia terlibat dengan usahawan.

Pelbagai kaedah yang telah dilancarkan oleh pelbagai pihak bagi menarik minat para belia untuk menjadi usahawan. Diantara strategi yang dilakukan adalah seperti meningkatkan kesedaran tentang perniagaan dan peluang-peluang kepada belia. Malahan ia juga dapat membantu memperkembangkan bidang dan potensi perniagaan belia melalui kerjasama dan networking yang berkesan. Oleh itu, untuk mencapai matlamat serta melaksanakan strategi-strategi yang dirancang oleh pihak kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu Program Pembangunan Usahawan Belia (PEMULIA) sejak 7 April 2002.

Dengan adanya pertubuhan ini, usahawan belia dapat mewujudkan rangkaian atau networking dengan institusi, bank agensi awam dan persatuan atau penjaja untuk membantu usahawan belia, menganjurkan forum, wacan, bicara niaga dan lawatan sambil belajar ke industri-industri kecil dan sederhana yang telah berjaya sebagai pendedahan kepada usahawan-usahawan belia yang baru menceburi ke dalam lapangan keusahawanan.

Selain itu, terdapat program memberi latihan kemahiran kepada golongan belia. Bagi memenuhi keperluan ekonomi negara. Program latihan kemahiran ini lebih komprehensif dan akan diperluaskan bagi merangkumi bidang baru usahawan seperti penyelenggaraan bangunan dan pesawat serta pengurusan hotel. Di samping itu, ia juga memperkenalkan program teknikal dan vokasional yang baru. Antara bentuk latihan ialah latihan soft skills seperti komunikasi berkesan, hospitaliti, kemahiran pemikiran kreatif dan pengurusan perniagaan yang akan diberikan penekanan yang lebih mendalam. Apabila golongan belia mempunyai kemahiran-kemahiran seperti ini, mereka boleh mengunakannya ketika mereka bekerja. Hal ini boleh meningkatkan lagi

kemahiran dan pengetahuan mereka dan seterusnya membantu mereka jika mereka ingin menjalankan sesuatu perniagaan secara sendiri.

Selaras dengan objektif untuk mewujudkan dan menubuhkan komuniti belia perdagangan dan perindustrian, peluang perniagaan yang baru perlu disediakan kepada belia melalui kerjasama strategik dengan syarikat swasta dan entiti yang telah diswastakan. Belia akan terus dilatih untuk mengambil peluang daripada program pembangunan francais, vendor sedia ada dan pemasaran di bawah konsep skim modal yang bakal diterokai oleh syarikat besar. Bagi membantu belia dalam perniagaan, seminar dan kursus mengenai kewangan dan pengurusan perniagaan, peluang perniagaan dan motivasi perlu dijalankan.

Program ini akan memberi pendedahan kepada belia untuk memulakan perniagaan dan menggalakkan mereka bekerja sendiri terutamanya di kalangan siswazah yang baru tamat pengajian. Program Pembangunan Belia Tani perlu diperluaskan untuk terus menggalak dan menarik minat terhadap belia bagi melaksanakan projek dalam sektor pertanian. Pelaksanaan program ini meliputi penubuhan perniagaan berasaskan pertanian dan menggalakkan penggunaan teknologi moden seterusnya mewujudkan generasi petani muda yang baru dan moden.

## **Rumusan**

Kesimpulannya, galakan ini perlu diterapkan melalui pendedahan praktikal dalam sektor industri khususnya pendedahan dan penyertaan dalam sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Ini adalah penting untuk membentuk minat mereka sebelum masuk ke bidang keusahawanan yang realiti. Mengikut kefahaman tentang budaya berniaga dan keusahawanan ini akan memudahkan golongan belia untuk merebut dan mencipta peluang yang baru dalam perniagaan mengikut kehendak pasaran semasa.

Dengan peningkatan aplikasi ICT (Information Communication of Tehnology) dalam perniagaan, Program Pembangunan Usahawan ICT untuk belia perlu terus dilaksanakan supaya golongan belia bukan sahaja mahir di dalam bidang pertanian

tetapi mahir juga di dalam bidang teknologi untuk mencari peluang-peluang yang dapat membantu untuk meningkatkan pendapatan.

Dengan adanya program-program usahawan yang dijalankan maka dapat membuka peluang pekerjaan kepada golongan belia serta dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara kita. Hal ini penting kepada golongan belia kerana mereka tidak lagi perlu bergantung sepenuhnya kepada kerajaan dan badan-badan swasta yang lain untuk memperolehi rezeki kehidupan, di samping menyumbangkan kepada ekonomi negara. Kita seharusnya perlu menggalakkan golongan belia supaya mereka dapat menjadi seorang usahawan yang berjaya yang dapat membangunkan ekonomi negara kita.

## **RUJUKAN**

- **Jaafar Abdul Rahim (2014). Aksioma**
- **Mohamed Khaled Nordin (2007). *Keusahawanan Dasar, Pembangunan dan Pembudayaan*. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.**
- **Geof Mulgan (2007), *Social Innovation, What It Is, Why Its Matter and How it can be accelerated*. Oxford Said Business School.**
- **Smes, *Entrepreneurship And Innovation* © Oecd 2010**